

IDDAH BAGI LELAKI DARI PANDANGAN ISLAM

IDDAH FOR MEN FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE

Mohammad Ali Abdullah
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah

Corresponding Author's Email: madaliabqari@gmail.com

Article History:

Received : 15 Ogos 2024

Revised : 22 November 2024

Published : 27 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Abdullah, M. (2024). IDDAH BAGI LELAKI DARI PANDANGAN ISLAM. *Jurnal Ilmi*, 14(1), 1-7.

ABSTRAK

Iddah merupakan satu masalah hukum yang melibatkan masyarakat dan agama. Logikanya ialah masyarakat itu terbentuk dari beberapa anggota keluarga yang tunjang utamanya ialah suami dan isteri. Sekiranya suami isteri itu hidup dalam keadaan mawaddah dan rahmah, maka masyarakat juga akan menjalani kehidupan harmoni dan sejahtera. Sebaliknya sekiranya berlaku perceraian di antara mereka berdua, kesannya bukan sahaja sebuah keluarga akan menjadi porak-peranda tapi juga masyarakat akan menerima tempias negatif hasil dari perceraian tersebut. Salah satu hukum agama yang melibatkan perceraian tersebut ialah iddah. Maka bertitik tolak dari masalah inilah, objektif utama artikel ini ditulis adalah untuk menerangkan hukum kepada masyarakat samada iddah ini hanya terkhusus kepada pihak perempuan sahaja atau hukumnya juga berguna pakai untuk pihak lelaki. Persoalan ini timbul dikalangan masyarakat dan amat memberatkan mereka apabila kurang memahami teks yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentadbiran Syariah (Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, berkaitan dengan Garis Panduan Pengurusan Nikah, Cerai dan Ruju', Permohonan Kebenaran Berkahwin Pasangan Bagi Negeri/Negara Yang Berlainan, Lampiran Dokumen Yang Berkenaan Sahaja, Surat Kebenaran Berkahwin dari Mahkamah Syariah jika: (I) Pemohon hendak berpoligami atau bagi lelaki yang bercerai dan masih dalam tempoh iddah perceraian (isteri)⁽¹⁾. Antara metodologi yang digunakan untuk merungkai permasalahan ini ialah Pengkajian dan Pembacaan bagi mengkaji teks yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentadbiran Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah berkaitan dengan "Permohonan Kebenaran Berkahwin Pasangan Bagi Negeri/Negara Yang Berlainan", kemudian maklumat yang telah dikumpul mengenai tajuk ini dikomentar apabila keadaan memerlukan sedemikian, metodologi Analisis bagi menganalisis kesahihan data-data yang diterima dan didapati samada daripada teks atau buku, metodologi Perbandingan diguna pakai untuk tujuan perbandingan pendapat ulama empat

mazhab (Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafie dan Imam Hanbali) mengenai kesepakatan dan perselisihan atau perbezaan pendapat mereka dalam sesuatu hukum agar satu resolusi terbaik dapat disimpulkan dan ditetapkan dan metodologi yang terakhir ialah Pengeluaran Hukum dengan tujuan untuk sampai kepada natijah selepas daripada penelitian dalil aqli dan naqli yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta maklumat yang khusus. Diakhir perbincangan, keputusan hukum yang dapat disimpulkan ialah pihak lelaki selepas bercerai dengan isterinya sebenarnya tidak mempunyai iddah, cuma terdapat beberapa keadaan yang melarangnya untuk berkahwin terus dengan perempuan lain. Sebab tujuan Iddah sebenarnya adalah untuk menjaga kesucian rahim dan keadaan ini tidak terdapat pada golongan lelaki.

Kata kunci : Iddah, hukum, agama, perceraian, berkahwin.

ABSTRACT

Iddah is a legal problem involving society and religion. The logic is that the community is formed from several family members whose main pillars are husband and wife. If the husband and wife live in a state of mawaddah and rahmah, then the community will also live a harmonious and prosperous life. On the other hand, if there is a divorce between the two of them, the effect is not only that a family will be in disarray but also the community will receive a negative result of the divorce. One of the religious laws involving divorce is iddah. Due to this issue, the main objective of this article is to explain the law to the community whether this iddah is only specific to women or the law also applies to men. This question arises among the community and is very burdensome for them when they do not understand the text issued by the Shariah Administration Division (Marriage, Divorce and Ruju'), Sabah State Department of Islamic Religious Affairs, related to the Guidelines for the Management of Marriage, Divorce and Ruju', Application for Permission involving Married Couples from Different States/Countries, Attachment of Relevant Documents Only, Marriage Permission Letter from the Syariah Court if: (I) The applicant wants to be polygamous or for a man who is divorced and is still in the period of iddah divorce (wife)⁽¹⁾. Among the methodologies used to unravel this problem is the Study and Reading to study the text issued by the Sharia Administration Division, Department of Islamic Religious Affairs of the State of Sabah in relation to "Applications for Permission to Marry Couples for Different States/Countries", then the information that has been collected about this title is commented upon when the situation requires such, the Analysis methodology to analyze the validity of the data received and found whether from a text or book, the Comparison methodology used for the purpose of comparing the opinions of scholars of the four schools of thought (Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafie and Imam Hanbali) regarding their agreement and disagreement or difference of opinion in a certain law so that the best resolution can be concluded and established and the last methodology is the Production of Law with the aim of reaching a result after researching intellectual and naqli arguments that lead to the achievement of a legal conclusion from information facts which is specific. At the end of the discussion, the legal decision that can be concluded is that the man does not actually have iddah after divorcing his wife, but there are some circumstances that prohibit him from directly marrying another woman. Because the purpose of Iddah is actually to maintain the purity of the womb and this condition is not found in men.

Keywords: Iddah, law, religion, divorce, marriage.

1.0 PENGENALAN

Tujuan Iddah adalah untuk memastikan kesucian Rahim seorang perempuan apabila dia dicerai oleh suaminya dan berkabung atau meninggalkan perhiasan sekiranya dia kematian suami. Tetapi adakah kita sedar bahawa dalam beberapa keadaan, seorang lelaki terhalang untuk berkahwin terus dengan seorang perempuan yang lain setelah dia menceraikan isterinya, lalu apakah ini juga dinamakan iddah? Persoalan inilah yang cuba untuk dipecahkan agar masyarakat Islam lebih memahami bagaimana iddah itu tersangkut dengan pihak lelaki.

Teks yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentadbiran Syariah (Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah itu adalah betul dan tidak ada kesalahan padanya, cuma ianya memerlukan lebih keterangan dan penjelasan agar tidak menimbulkan kesangsian dan kekeliruan dikalangan para pembaca terutamanya mereka yang kurang faham mengenai hukum hakam iddah. Ayat di bahagian teks ini yang perlukan penjelasan lebih ialah ayat yang berbunyi "bagi lelaki yang bercerai dan masih dalam tempoh iddah perceraian (isteri)". Perkataan "isteri" diletakkan dalam kurungan adalah untuk memberikan keterangan bahawa iddah yang dimaksudkan disini adalah untuk seorang perempuan dan bukan untuk lelaki, begitupun isyarat ini tidak mencukupi kalau tidak disertai dengan keterangan dan penjelasan.

Di dalam Syariat Islamiah, sekiranya berlaku perceraian terdapat tiga bentuk iddah yang akan ditempuhi oleh seorang perempuan iaitulah Iddah Talak Raj'ie, Iddah Talak Ba'ien Bainatus Sugra dan Iddah Talak Ba'ien Bainatul Kubra. Di dalam Iddah Talak Raj'ie, seorang lelaki boleh mengembalikan isteri yang telah dicerai ke pangkuannya tanpa mahar perkahwinan dan akad nikah yang baru. Adapun sekiranya berlaku Iddah Talak Ba'ien Bainatus Sugra maka seorang suami tidak boleh mengembalikan seorang isteri ke pangkuannya melainkan dengan membayar mahar dan akad nikah yang baru, itupun sekiranya sang isteri sudi menjadi isterinya untuk kedua kalinya. Dan yang paling parah adalah Iddah Talak Ba'ien Bainatul Kubra yang mana suami langsung tidak boleh mengembalikan isterinya ke pangkuannya melainkan setelah isterinya berkahwin dengan lelaki lain dan isteri itu digauli oleh lelaki tersebut kemudiannya berlaku perceraian antara lelaki itu dengan perempuan tersebut.

Antara ayat-ayat suci al-Quran yang menukilkan tentang iddah ialah Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah:

(2) ﴿وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari.

Keterangan yang dapat dikutip daripada ayat ini ialah Allah swt telah menyuruh perempuan-perempuan yang kematian suami supaya menjalani tempoh iddah selama empat bulan dan sepuluh hari. Berdasarkan kesepakatan para Ulama, hukum mengenai tempoh iddah itu meliputi perempuan-perempuan yang telah digauli oleh suami mereka dan juga yang belum digauli⁽³⁾. Begitupun bagi perempuan-perempuan yang telah digauli dan sedang mengandung, tempoh iddah mereka adalah berbeza, ini diterangkan oleh Allah swt didalam surah at-Talak melalui firmanNya:

﴿وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ﴾⁽⁴⁾

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.

Untuk memecahkan persoalan ini, tulisan makalah yang kerdil ini akan cuba mengemukakan dan merungkaikan perkara yang berkaitan dengan iddah ini dari beberapa sudut antaranya ialah makna iddah dari segi bahasa dan istilah, dalil-dalil daripada ayat-ayat suci al-Quran, hadis-hadis Nabi saw dan Ijmak iaitu kesepakatan para ulama tentang hukum wajibnya iddah, Hikmah kenapa Allah swt menjadikan iddah, Tempoh Masa bagi seorang lelaki menahan dirinya daripada berkahwin dan pendapat ulama mengenainya, Keutamaan Pendapat Ulama didalam masalah ini dan akhirnya ialah tentang beberapa resolusi penting mengenai iddah.

Sebelum membincangkan tajuk ini secara mendalam, adalah lebih baik sekiranya saya mengemukakan terlebih dahulu pengenalan tentang apa itu iddah dari segi bahasa dan istilah agar para pembaca dapat memahami secara mendalam makna iddah.

2.0 MAKNA IDDAH DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH

Iddah dari segi bahasa ialah masa-masa untuk kesucian bagi seorang perempuan yang baru diceraikan oleh suaminya atau hari-hari berkabung ke atas kematian suaminya dan untuk seorang perempuan itu meninggalkan perhiasan bagi beberapa bulan⁽⁵⁾. Selain itu iddah juga membawa makna hitungan, umpamanya kalau dikatakan saya mengira sesuatu, ertinya saya menghitungnya⁽⁶⁾.

Adapun iddah dari segi istilah syarak, para Ulama' telah mentakrifkannya dengan pelbagai takrifan, antara takrifan Ulama' mengenai iddah yang dapat saya kemukakan di sini ialah:

1- **Imam Hanafi:** Penantian yang diwajibkan untuk seorang perempuan disebabkan terlerainya ikatan perkahwinan yang telah berlaku padanya percampuran suami isteri atau suatu perbuatan yang menyerupainya seperti khalwat (berdua-dua ditempat sunyi) dan kematian⁽⁷⁾.

2- **Imam Malik:** Sesuatu tempoh yang tertegah untuk bernikah disebabkan oleh pembatalan perkahwinan atau kematian suami atau diceraikan suami iaitulah satu tempoh yang dijadikan sebagai bukti kesucian Rahim⁽⁸⁾.

3- **Imam Syafie:** Nama bagi satu tempoh yang mana seorang perempuan menahan diri padanya dari berkahwin untuk mengetahui kesucian rahimnya atau untuk menumpukan diri dalam ibadah atau untuk dia merasa sedih tentang kehilangan suaminya⁽⁹⁾.

4- **Imam Hanbali:** Penantian Tertentu dari sudut syarak⁽¹⁰⁾.

Setelah mengemukakan makna iddah dari sudut pandang yang berbeza empat Imam yang muktabar didalam Islam, maka bolehlah disimpulkan makna iddah itu dengan mengambil tafsiran pendapat Prof. Doktor Abdul Karim Zaidan mengenainya seperti berikut:

"Tempoh masa yang ditentukan dari segi hukum Syarak yang mewajibkan seorang perempuan menjaga hukum-hakam padanya ketika berlaku perpisahan antaranya dan suaminya"⁽¹¹⁾.

Ertinya iddah ini ialah satu tempoh masa yang tertentu di mana seorang isteri wajib melaluinya untuk menahan dirinya daripada berkahwin dengan seorang lelaki yang lain setelah bercerai dengan suaminya atau dia kematian suaminya atau berlakunya fasakh atau khuluq atau li'an (sumpah) antara dia dan suaminya. Tujuan diadakan tempoh masa itu adalah untuk memastikan perempuan itu tidak mengandung benih suaminya bagi mengelakkan percampuran nasab. Maknanya di sini, tempoh masa itu hanya ditentukan kepada isteri dan bukan kepada suami. Ini kerana, perempuan yang mengandung dan bukan suami yang mengandung.

3. 0 DALIL YANG MEWAJIBKAN IDDAH

Iddah adalah wajib dari segi Syarak. Bukti tentang wajibnya iddah itu ialah dengan adanya dalil-dalil daripada al-Quran, Hadis dan Kesepakatan para Ulama'.

Adapun al-Quran, sesungguhnya terdapat banyak ayat-ayat yang menunjukkan kepada wajibnya iddah. Antaranya:

1- Firman Allah swt :

﴿وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا﴾⁽¹²⁾

Maksudnya: Dan orang-orang yang meninggal dunia diantara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila habis masa iddahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.

2- Firman Allah swt lagi:

﴿وَاللَّائِي يَسْنَنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّائِي لَمْ يَحْضُنَّ وَأَوْلَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا﴾⁽¹³⁾.

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhdapa tempoh iddah mereka) maka iddahnya ialah tiga bulan, dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusan. Kedua-dua ayat ini menjelaskan tentang haid. Dinyatakan bahawa perempuan yang kematian suami, perempuan yang putus haid, perempuan yang tidak berhaid dan perempuan yang mengandung, maka mereka harus melalui tempoh iddah. Ertinya iddah itu ditetapkan oleh ayat-ayat suci al-Quran melalui firman Allah SWT.

Adapun Hadis Nabi saw:

1- Sabda Rasulullah saw kepada Fatimah Binti Qais:

(اعْتَدِي فِي بَيْتِ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ)⁽¹⁴⁾.

Ertinya: Menahan dirilah di rumah anak lelaki Ummu Maktum.

2- Hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah:

وَمَا رُوي عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ امْرَأَةً مِنْ أَسْلَمَ يُقَالُ لَهَا: سُبَيْعَةُ الْأَسْلَمِيَّةِ كَانَتْ تَحْتَ زَوْجِهَا، تُوفِّي عَنْهَا وَهِيَ حَبْلَى فَحَطَبَهَا أَبُو السَّنَابِلِ بْنُ بَعْكَكِ فَأَبَتْ أَنْ تَنْكِحَهُ فَقَالَ: (وَاللَّهِ مَا يُصْلِحُ أَنْ تَنْكِحِيهِ حَتَّى تَعْتَدِي آخِرَ

الأَجَلَيْنِ)، فَمَكَتَتْ فَرِيًّا مِنْ عَشْرَ لَيَالٍ، ثُمَّ جَاءَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ
لَهَا: (أَنْكِحِي)⁽¹⁵⁾.

Apa yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah isteri Nabi saw bahawa sahnya seorang perempuan yang memeluk Islam yang dinamakan Subai'ah al-Aslamiyah telah berkahwin lalu suaminya meninggal dunia dalam keadaan dia sedang mengandung, lalu Abu Sanabil bin Ba'kak ingin menikahnya, tapi dia enggan untuk bernikah dengannya, lalu Rasulullah saw bersabda (Demi Allah engkau tidak boleh untuk bernikah dengannya sehinggalah engkau menghabiskan iddah dalam dua tempoh). Lepas daripada tempoh itu dia perlu menahan dirinya untuk tidak berkahwin selama tempoh sepuluh hari lagi. Kemudian perempuan itu datang kepada Nabi saw lalu Nabi saw berkata kepadanya: (Bernikahlah).

Yang dimaksudkan dengan iddah dalam dua tempoh itu ialah sekiranya kandungan itu lebih daripada 4 bulan 10 hari, maka iddah perempuan yang kematian suaminya ialah dengan melahirkan anaknya, tapi sekiranya perempuan itu melahirkan anak kurang dari masa 4 bulan 10 hari, maka tempoh iddahnya ditambah sebanyak 4 bulan 10 hari lagi⁽¹⁶⁾.

Begitupun Imam Nawawi mengatakan bahawa para Ulama' yang terdahulu dan masa kini bersepakat bahawa iddah perempuan yang kematian suami ialah sehingga dia melahirkan kandungannya walaupun kandungan itu lahir beberapa saat selepas kematian suaminya dan walaupun suaminya belum lagi sempat dimandikan, perempuan itu sudah terlepas daripada iddah dan dibolehkan baginya untuk bernikah. Ini juga merupakan pendapat Imam Malik, Imam Syafie, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad dan majoriti para Ulama'⁽¹⁷⁾.

Adapun Ijma' Ulama, sesungguhnya Umat telah bersepakat bahawa iddah itu adalah wajib⁽¹⁸⁾.

Berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran, Hadis Nabi saw dan Kesepakatan para Ulama, jelas kepada kita bahawa iddah itu hukumnya adalah wajib dan iddah itu adalah dikenakan kepada orang perempuan. Tidak adapun satu ayat atau hadis atau kesepakatan para ulama yang mengatakan bahawa iddah itu adalah wajib untuk lelaki. Ini menguatkan lagi tanggapan bahawa yang melalui tempoh iddah hanyalah kaum perempuan dan bukan kaum lelaki.

4.0 HIKMAH DIWAJIBKAN IDDAH

Di antara hikmah yang terpenting kenapa iddah itu diadakan adalah untuk memastikan kesucian rahim perempuan yang diceraikan daripada mengandung. Sekiranya iddah tidak ada, maka seorang perempuan itu akan terus berkahwin dengan lelaki lain selepas diceraikan tanpa perlu menunggu tempoh masa yang ditetapkan untuk membolehkannya berkahwin lain. Sekiranya hal ini berlaku, maka ia akan menyebabkan percampuran nasab atau keturunan sebab seorang perempuan

itu mungkin mengandung dari suami yang menceraikannya atau suaminya yang meninggal dunia, lalu apabila perempuan itu berkahwin lagi dengan suami baru tanpa menunggu tamatnya tempoh iddah, maka pergaulan yang akan berlaku antaranya dengan suaminya yang baru akan menghasilkan percampuran air mani suami lama dan suami baru dalam satu rahim. Sesungguhnya Nabi Muhammad amat melarang perkara ini berlaku dengan sabdanya:

(19) *مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، فَلَا يَسْقِ مَاءَهُ وَلَا دَعِيْرَهُ*

Ertinya: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka janganlah dia menyiram airnya pada tanaman orang lain.

Dalam keadaan sebegini, sekiranya seorang perempuan itu mengandung, tidak mungkin dapat ditentukan keturunan anak yang lahir disebabkan percampuran air mani dalam rahim seorang perempuan. Atas alasan inilah Islam mengadakan iddah bagi perempuan yang diceraikan atau kematian suami untuk memelihara keturunan.

Disamping itu terdapat hikmah lain kenapa iddah itu disyariatkan dalam Islam iaitu agar seorang lelaki dapat mengembalikan isterinya kepadanya apabila si isteri masih berada dalam keadaan iddah raji'e iaitu iddah yang membolehkan seorang suami kembali kepada isterinya tanpa akad dan mahar baru. Ini berlaku apabila suami merasakan bahawa tindakannya menceraikan isterinya itu adalah suatu perbuatan tergesa-gesa dan tanpa berfikir panjang dan secara matang.

Begitu juga bagi seorang anak yang masih berada dalam kandungan ibunya dapat dijaga keturunannya agar dia tahu siapa ayah sebenarnya, manakala hak seorang perempuan yang masih berada dalam keadaan iddah raji'e, dia masih berhak untuk menerima nafkah dari suaminya seperti nafkah makan, minum dan tempat tinggal disamping dia masih boleh mewarisi suaminya.

Bagi perempuan yang kematian suami pula, iddah merupakan satu cara untuk dia menzahirkan rasa sedihnya kerana seorang suami itu adalah satu anugerah dari Allah swt kepadanya yang mampu melindunginya, memelihara kesuciannya dari segala kejahatan dan keburukan, memberikannya zuriat serta dapat menampung kehidupannya dengan memberikan nafkah kepadanya. Di samping itu, suaminya juga yang telah menjadikan seorang perempuan itu sebagai ibu yang mana ini merupakan impian setiap wanita. Maka sudah sewajarnya ia menzahirkan rasa sedih itu dengan menahan dirinya untuk berkahwin dalam tempoh masa yang tertentu⁽²⁰⁾.

5.0 PERMULAAN IDDAH DAN TEMPOH MASANYA

Sekiranya berlaku perceraian antara suami dan isteri, maka iddah perempuan bermula apabila suami melafazkan lafaz talak kepada isterinya, dan sekiranya talak itu digantungkan kepada suruhan untuk melakukan sesuatu perkara kepada isterinya, maka iddah akan berlaku apabila sahaja si isteri melakukan suruhan tersebut. Iddah perempuan yang sebegini ialah 3 kali suci sekiranya perempuan itu

masih datang haid dan sekiranya perempuan itu sudah tidak datang haid maka iddahnya adalah 3 bulan. Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah dan surah at-Talak:

(21) ﴿وَالْمُطَلَّاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ﴾

Maksudnya: Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid).

﴿وَاللَّائِي يَمْسَنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّائِي لَمْ

(22) ﴿يَحِضْنَ﴾

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka iddahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid.

Manakala bagi perempuan yang kematian suami maka iddahnya bermula dari tarikh suaminya meninggal. Sekiranya perempuan itu tidak tahu bila suaminya meninggal maka iddahnya bergantung dari perkhabaran yang sah yang menyatakan tarikh suaminya meninggal. Kebiasaannya perempuan yang tidak mengandung dan kematian suaminya maka iddahnya ialah 4 bulan dan 10 hari samada perempuan itu digauli atau tidak digauli oleh suaminya dan samada perempuan itu masih kecil tidak sampai umur baligh atau sudah dewasa. Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah:

﴿وَالَّذِينَ يَتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا

بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ

(23) ﴿حَبِيرٌ﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beridah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syara'). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.

Bagi perempuan yang mengandung pula, apabila dia diceraikan oleh suaminya atau dia kematian suami maka iddahnya ialah sehingga dia melahirkan anak. Firman Allah swt dalam surah at-Talaq:

(24) ﴿وَأُولَاتِ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا﴾

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya. Ayat-ayat di atas menjelaskan tentang tempoh masa iddah bagi seorang perempuan. Tempoh masa ini adalah bergantung kepada keadaan seorang perempuan samada dia diceraikan, keputusan haid, kematian suami atau dia mengandung. Ini menunjukkan bahawa iddah yang ditetapkan oleh Islam kepada seorang wanita tidak sama. Maknanya ketika menetapkan tempoh iddah bagi seorang perempuan itu, Islam mengambil kira keadaannya agar tidak timbul sebarang kesukaran kepadanya ketika melalui tempoh iddah tersebut. Di sini jelas terbukti tentang keadilan Islam ketika menjatuhkan sesuatu hukum kepada hambahambanya agar mereka sedar bahawa hukum Islam tidak menzalimi sesiapaupun.

6.0²⁴ TEMPOH MASA MENAHAN DIRI BAGI SEORANG LELAKI

Jelas kepada kita daripada takrif iddah, dalil-dalil yang mewajibkan iddah dan hikmahnya yang terbesar mengapa ia diadakan untuk perempuan yang diceraikan atau kematian suami, adalah untuk memastikan kesucian rahim seorang perempuan demi menjaga percampuran keturunan. Keturunan merupakan antara perkara yang boleh menyebabkan berlaku perselisihan dan pergaduhan. Justeru itu, sudah sepatutnyalah perkara mengenai keturunan ini diambil berat demi untuk meyakinkan tidak ada percampuran keturunan.

Setelah mendapati bahawa iddah hanyalah untuk perempuan sahaja, kenapa pula seorang lelaki itu tidak boleh berkahwin selepas menceraikan isterinya dalam tempoh masa yang tertentu? Adakah tempoh masa itu merupakan tempoh masa iddah yang sebenarnya untuk seorang lelaki atau cuma tempoh masa kiasan?

Untuk menjawab persoalan ini, mari kita lihat kata-kata Imam an-Nawawi di dalam kitab "Raudhatul Thalibiin wa Umdhatul Muftiin" dan kata-kata al-Kharasyi di dalam kitab "Syarh Mukhtasar Khalil". Imam an-Nawawi mengatakan: "Sekiranya seorang lelaki menceraikan isterinya dengan talak Ba'in, maka dia boleh menikahi saudara perempuan isterinya walaupun si isteri masih berada dalam keadaan iddah, tapi sekiranya talak itu adalah talak raj'ie maka lelaki itu tidak boleh menikahi saudara perempuan isterinya sehinggalah isteri tersebut menghabiskan tempoh iddahnya"⁽²⁵⁾. Al-Kharasyi pula berkata: "Jika seorang lelaki menikahi seorang perempuan, dia tidak boleh menyetubuhi saudara perempuan isterinya atau ibu saudara isterinya sebelah bapa samada melalui pemilikan atau perkahwinan selagi

mana perempuan itu masih menjadi isterinya kecuali ia menjatuhkan talak Ba'in kepada isterinya samada dengan melakukan khuluq atau menjatuhkan talak tiga kepada isterinya atau talak satu tapi dia belum bersetubuh dengannya atau isterinya telah selesai menjalani tempoh iddah dalam talak raj'ie"⁽²⁶⁾.

Begitu juga Ubaidah As-Salmani seorang yang hidup dizaman tabi'en telah mengatakan bahawa: "Tidak bersepakat sahabat-sahabat Muhammad saw ke atas sesuatu seperti mana kesepakatan mereka bahawa perempuan yang kelima tidak boleh dinikahi dalam tempoh iddah isterinya yang keempat, dan tidak boleh dinikahi seorang perempuan di dalam iddah saudara perempuannya"⁽²⁷⁾.

Dari pendapat-pendapat Ulama yang dikemukakan di atas, dapat kita simpulkan bahawa terdapat beberapa keadaan yang menghalang seorang lelaki untuk berkahwin terus dengan perempuan lain. Ini menggambarkan bahawa seolah-olah seorang lelaki itu juga mempunyai iddah sepertimana seorang perempuan yang terhalang untuk terus berkahwin. Keadaan-keadaan tersebut dapat kita jelaskan seperti berikut:

Pertama: Jika seorang lelaki itu mempunyai empat orang isteri dan ingin berkahwin dengan seorang perempuan lagi. Dalam keadaan ini, dia tidak berhak dan tidak halal baginya dari sudut Syarak untuk berkahwin dengan perempuan kelima. Dia mesti terlebih dahulu menceraikan salah seorang isterinya yang empat itu kemudian menunggu habisnya tempoh iddah isteri yang diceraikan secara raj'ie itu. Ini adalah berdasarkan kepada kesepakatan para Ulama. Para Ulama menetapkan demikian sebab sekiranya dia berkahwin dengan perempuan yang kelima sebelum habis tempoh iddah isteri yang diceraikan, maka dia dikira telah mencampurkan lima orang isteri dalam satu masa. Perkara ini adalah haram dari segi Syara' dan dikira melampui batas hukum Allah. Maka dalam masa seorang lelaki itu menunggu habis iddah isteri yang diceraikan, dia seolah-olah juga berada dalam keadaan iddah. Ini kerana dia tertahan untuk terus berkahwin dengan perempuan lain sehinggalah habis tempoh iddah isteri tersebut.

Dalil yang menunjukkan bahawa seorang lelaki hanya dibenarkan memiliki empat orang isteri di dalam Islam ialah hadis Nabi SAW:

عَنِ الْحَارِثِ بْنِ قَيْسٍ، قَالَ مُسَدَّدٌ: ابْنِ عُمَيْرَةَ وَقَالَ وَهَبٌ: الْأَسَدِيُّ قَالَ: أَسَلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانُ نِسْوَةٍ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (اخْتَرِ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا)⁽²⁸⁾.

Ertinya: Al-Asadi mengatakan: "Aku telah memeluk Islam dan ketika itu aku mempunyai lapan orang isteri. Lalu aku memberitahu Rasulullah SAW akan

perkara itu. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Pilihlah empat orang daripada mereka".

Memang di zaman sebelum kedatangan Islam, para lelaki menikahi lebih daripada empat orang wanita dalam satu-satu masa dan tidak ada larangan dalam perkara tersebut. Antara contoh lain yang dapat kita datangkan di sini selain daripada contoh di atas adalah seperti Ghailan bin Salamah yang memiliki sepuluh orang isteri dan Naufal bin Muawiyah yang mempunyai lima orang wanita. Namun selepas kedatangan Islam, maka agama Islam telah menjelaskan perkara tersebut dengan terang dan jelas. Salah satu keterangan tersebut datang melalui hadis yang dinukilkan di atas. Hadis ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah menyuruh Umairah al-Asadi untuk memilih empat orang sahaja dari sepuluh orang wanita yang dikahwininya di zaman Jahiliyah. Perintah Nabi SAW kepada al-Asadi agar memilih empat orang isteri dari sepuluh orang, membuktikan bahawa di dalam Islam seorang lelaki cuma dibenarkan untuk mengahwini empat orang perempuan sahaja, sekiranya dia berkahwin lebih dari itu, maka ianya adalah diharamkan dan wajib baginya menceraikan isteri-isterinya yang lain.

Perbincangan di atas adalah mengenai talak raj'ie seorang isteri. Adapun dalam Talak Ba'in, Ulama berselisih pendapat mengenai keharusan seorang lelaki untuk berkahwin perempuan yang kelima di dalam masa Iddah isteri yang diceraikan. Perselisihan mereka adalah seperti berikut:

1- Imam Hanafi⁽²⁹⁾ dan Imam Hanbali⁽³⁰⁾ mengatakan: Sesungguhnya seorang lelaki itu tidak diharamkan baginya untuk berkahwin dengan perempuan yang kelima kecuali dia menceraikan salah seorang isterinya yang empat dan habis tempoh iddah isteri yang diceraikan itu, sebab talak Ba'in tidak melucutkan semua hukum nikah, bahkan masih ada hukum nikah yang berkaitan dengan perceraian itu. Dan kekalnya setengah hukum nikah semasa dalam tempoh iddah isteri yang diceraikan menjadikan perkahwinan itu masih dikira berkekalan dari satu sudut dan tetap daripada sudut yang berkaitan dengan kelangsungan perkahwinan itu. Maksudnya di sini ialah Imam Hanafi dan Imam Hanbali berpendapat sekiranya seorang isteri masih berada dalam keadaan talak Ba'in maka seorang suami masih tidak boleh bernikah dengan perempuan lain sehinggalah habis tempoh iddah talak Ba'in tersebut. Mereka berpendapat tujuannya adalah untuk berjaga-jaga.

2- Imam Malik⁽³¹⁾ dan Imam Syafie'⁽³²⁾ mengatakan: Diharamkan bagi siapa yang menceraikan isterinya dengan talak Ba'in walaupun Ba'in yang pertama untuk berkahwin dengan perempuan yang kelima sebelum habis tempoh iddah isteri yang diceraikan sebab isteri yang diceraikan dengan talak Ba'in tidak dianggap sebagai isterinya lagi. Ini kerana dia tidak boleh ruju' kepada isteri itu kecuali dengan akad nikah yang baru. Begitu juga sekiranya isteri itu berada dalam talak Ba'in Bainatul Kubra maka suami tidak boleh rujuk kepadanya melainkan isteri itu berkahwin dengan lelaki yang lain terlebih dahulu dan kemudian setelah berkahwin isteri itu diceraikan oleh suaminya yang baharu serta telah melalui tempoh iddah. Selepas itu barulah lelaki itu boleh mengahwini jandanya tersebut. Dalam keadaan sebegini,

sekiranya seorang lelaki berkahwin dengan perempuan lain semasa isterinya berada dalam talak Ba'in, dia tidak dianggap sebagai menghimpunkan isteri lebih daripada empat orang. Ertinya seorang lelaki itu boleh berkahwin terus dalam keadaan isterinya berada dalam talak Ba'in.

Kedua: Sekiranya seorang lelaki menceraikan isterinya dengan talak Raj'ie dan ingin berkahwin dengan saudara perempuan isterinya, atau emak saudara isterinya sebelah ayah atau sebelah ibu atau dengan sesiapa yang diharamkan baginya untuk mencampurkan mereka itu dengan isterinya, maka dalam keadaan ini tidak diharamkan baginya untuk berkahwin melainkan setelah habis tempoh iddah isterinya. Kaedah yang mengawali keadaan yang demikian itu ialah apabila diandaikan dua orang perempuan yang ingin dicampurkan itu mempunyai hubungan darah yang mengharamkan mereka untuk dicampurkan. Maksudnya sekiranya mereka itu diandaikan sebagai lelaki, maka sudah tentu diharamkan untuk mereka berkahwin antara satu dengan yang lain. Dalilnya Firman Allah swt:

﴿وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا﴾⁽³³⁾.

Maksudnya: Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Dan Sabda Rasulullah saw:

﴿لَا يَجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَتِهَا﴾⁽³⁴⁾.

Ertinya: Janganlah dihimpunkan antara seorang perempuan dengan emak saudaranya sebelah ayah atau antaranya dengan emak saudaranya sebelah ibu.

Ayat dan hadis yang dinyatakan di atas membuktikan bahawa haram bagi seorang lelaki untuk berkahwin dengan keluarga isterinya samada kakak atau adik perempuan isterinya. Begitu juga diharamkan seorang suami itu untuk menghimpunkan isterinya dengan makcik-makcik isterinya iaitu saudara-saudara perempuan ayahnya atau ibunya. Larangan ini adalah berterusan selagai mana dia tidak menceraikan isterinya. Setelah dia menceraikan isterinya, barulah dibolehkan dia berkahwin dengan adik beradik perempuan isterinya atau makcik-makcik isterinya. Maknanya di sini, larangan tersebut seolah-olah satu iddah bagi lelaki kerana dia tidak dapat mengahwini perempuan-perempuan yang ada ikatan darah dengan isterinya sehinggalah dia menceraikan isterinya.

Perlu diingat bahawa perkahwinan dengan perempuan-perempuan yang mempunyai ikatan darah dengan isterinya masih tidak digalakkan di dalam Islam walaupun seorang suami telah menceraikan isterinya. Ini kerana Islam melihat perkara itu dalam skop yang lebih luas yang mana perkahwinan itu boleh

menyebabkan pergaduhan dalam keluarga isteri tersebut yang mengakibatkan mereka berpecah-belah.

Adapun hukum dalam talak Ba'in mengenai seorang lelaki yang ingin mengahwini dua orang saudara perempuan dan mereka yang mempunyai ikatan darah dengannya, hukumnya adalah sama dengan lelaki yang ingin berkahwin dengan lima orang perempuan.

Imam Hanafi dan Hanbali mengatakan bahawa hukumnya adalah terlarang untuk seorang lelaki berkahwin dengan perempuan yang mempunyai ikatan darah dengan isterinya sehinggalah tamat tempoh iddah isteri yang diceraikan itu.

Manakala Imam Malik dan Imam Syafie pula membolehkan akad nikah dijalankan selepas sahaja berlaku talak Ba'in tanpa perlu menunggu tamatnya tempoh iddah isteri.

Dari perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa dalam keadaan pertama apabila seorang lelaki itu sudah mempunyai empat orang isteri dan ingin berkahwin dengan isteri kelima, dia seolah-olah mempunyai iddah apabila dia terhalang untuk berkahwin sehinggalah salah seorang isterinya yang empat diceraikan dan habis tempoh idahnya. Begitu juga dalam keadaan kedua yang mana seorang lelaki itu tidak boleh berkahwin dengan perempuan-perempuan yang mempunyai ikatan darah dengan isterinya sehinggalah dia menceraikan isteri tersebut. Manakala dalam talak Ba'in, ulama berbeza pendapat pada kedua-dua keadaan ini. Cuma Imam Hanafi dan Hanbali yang menyatakan bahawa seorang suami masih belum boleh terus berkahwin sehinggalah habis tempoh iddah isteri. Ini menggambarkan kepada kita bahawa bahawa dalam talak Ba'in seolah-oleh suami juga mempunyai iddah.

7.0 KEUTAMAAN PENDAPAT ULAMA

Dalam masalah talak Ba'in, saya lebih mengutamakan pendapat Imam Malik dan Imam Syafie. Kedua ulama ini membolehkan seorang lelaki untuk kahwin isteri yang kelima sepertimana dia boleh berkahwin dengan saudara perempuan isterinya atau emak saudara isterinya sekiranya dia sudah menceraikan isterinya dan walaupun belum tamat tempoh iddah isteri tersebut. Alasan mereka ialah isteri yang diceraikan dengan talak Ba'in tidak lagi mempunyai apa-apa hubungan dengan suami yang menceraikannya. Isteri itu dianggap telah menjadi orang asing atau ajnabi kepada suami yang menceraikannya. Justeru itu, sekiranya suami itu menziharkannya, zihar itu dianggap tidak sah dan begitu juga sumpahnya, tidak sah, dan sekiranya suami itu menuduhnya dengan zina, tuduhan itu tidak dapat diambil kira, dan begitu juga sekiranya salah seorang daripada mereka mati, mereka tidak dapat mewarisi antara satu sama lain walaupun si isteri masih dalam

iddah iaitu idah talak Ba'in. Begitu juga dalam talak Ba'in ini, si suami tidak boleh ruju' semula kepada isterinya yang masih dalam keadaan iddah melainkan dengan mahar dan akad nikah nikah yang baru. Maka, sekiranya suami masih tertahan untuk berkahwin dalam tempoh talak Ba'in seorang isteri, ini bermakna suami tadi seolah-olah mempunyai iddah.

8.0 KESIMPULAN

Selepas daripada penjelasan yang meyakinkan ini, kita telah mengetahui bahawa sahnya iddah itu hanya untuk perempuan sahaja dan bukan untuk lelaki. Bagi kaum laki-laki tidak ada bagi mereka tempoh iddah, sebaliknya yang ada kaitan dengan mereka cumalah tempoh menanti dan tempoh menanti inilah yang dinamakan tempoh menunggu yang mana seorang lelaki itu masuk di dalam tempoh masa iddah isteri secara automatik. Justeru itu, dalam keadaan suami tidak boleh melangsungkan perkahwinan terus selepas berlakunya perceraian kecuali selepas tempoh masa tertentu, ada yang menganggap bahawa suami juga mempunyai tempoh iddah.

An-Nafrawi telah berkata: Yang dimaksudkan dengan iddah sebenarnya ialah melarang seorang perempuan. Sebab tempoh larangan untuk berkahwin lain bagi seorang lelaki selepas menceraikan salah seorang isterinya yang empat, tidak dinamakan iddah (bagi lelaki) samada dari segi bahasa mahupun syarak sebab terdapat banyak keadaan yang tidak membolehkan seorang lelaki itu untuk berkahwin seperti semasa berada dalam keadaan ihram atau ketika dalam keadaan sakit. Dalam situasi seperti ini, tidak dinamakan seorang lelaki itu berada dalam iddah⁽³⁵⁾.

Siapa yang berkahwin dengan lima orang isteri atau berkahwin dengan saudara perempuan isteri yang dicerai atau dengan seorang yang diharamkan untuk dicampurkan dengan isteri yang dicerai itu sebelum habis tempoh iddah isteri (iddah Raj'ie), maka perkahwinan itu terlarang dari sudut Syarak. Perkara dianggap melanggar hukum Syarak dan dikira akad nikah dengan isteri yang baru itu terbatal. Wajib bagi suami untuk berpisah dengan isteri tersebut. Ini kerana dia mengahwini perempuan itu sebelum habis tempoh iddah yang ditetapkan Syarak bagi isteri yang dicerai secara talak raj'ie. Maka perkahwinan yang baru itu dianggap tidak sah dan dikira sebagai zina yang menyebabkan seorang lelaki itu boleh dijatuhkan hukuman zina sebab perlakuan itu dikira satu jenayah dengan tuduhan zina.

RUJUKAN

1- Bahagian Pentadbiran Syariah Nikah, Cerai dan Ruju', Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, *Peraturan-Peraturan Bimbingan Pentadbiran Nikah, Cerai dan Ruju'* - Kertas Kerja m.s 15.

2- Surah Al-Baqarah ayat 234

3- Ismail ibn Umar ibn Kathir al-Quraisy al-Basri ad-Dimasyki, Abu al-Fida' (wafat 774H), *Tafsir al-Quranil A'zim*, disunting oleh Sami ibn Muhammad Selamah, Cetakan ke-dua, Darul Tayyibah sebagai penerbit dan pencetak, 1420H / 1999M, 1, 630.

4- Surah At-Talak ayat 4

5- Muhammad bin Makram bin Ali, Abu Al-Fadl, Jamaluddin Ibn Manzur Al-Ansari Al-Ruwaifa'i Al-Ifriqi (wafat 711H), *Lisan Al-Arab*, edisi ke-3, Dar Sader - Beirut, 1414 Hijrah, 15.

6- Qasim bin Abdullah bin Amir Ali Al-Qunawi Al-Rumi Al-Hanafi (wafat 978H), *Anis Al-Fuqaha' mengenai Takrif Perkataan yang digunakan di kalangan fuqaha*, disunting oleh Yahya Hassan Murad, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 2004 Masihi - 1424 Hijrah, 1, 59.

7- Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad, dikenali sebagai Ibn Najim al-Masry (wafat 970H), *Al-Bahr Al-Raiq Syarah Kanzun Al-Daqaaiq*, edisi ke-2, Dar Al-Kitab Al-Islami, 4, 138-139.

8- Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin Abdul Rahman al-Tarabulsi al-Maghribi, dikenali sebagai al-Khattab al-Rua'ini al-Maliki (wafat 954H), *Mawaahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil*, edisi ke-3, Dar al-Fikr, 1412 Hijrah - 1992 Masihi, 4, 140.

9- Shamsuddin, Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Sharbini al-Shafi'ie (wafat 977H), *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifatih Maani Alfaaz al-Minhaj*, edisi pertama, Dar al- Kutub al-Ilmiyyah, 1415 Hijrah - 1994 Masihi, 5, 78.

10- Mansour bin Yunus bin Salahuddin Ibn Hassan bin Idris al-Bahuti al-Hanbali (wafat 1051H), *Daqaaiq Ulin Nuha li Sharh al-Muntaha yang dikenali sebagai Sharh Muntaha al-Iraadat*, edisi pertama, Aalam al-Kutub, 1413 Hijrah - 1993 Masihi, 3, 191.

11- Abdul Karim Zaidan, *Al-Mufassal fi Ahkaamul Mar'ata wa al-Bait al-Muslim fi Syariah Islamiah*, edisi pertama, Yayasan Al-Risalah, Beirut, 1413 Hijrah - 1992 Masihi, 9, 121.

12- Surah Al-Baqarah ayat 234

13- Surat Al-Talaq ayat 4

14- Muslim bin Al-Hajjaj Abu Al-Hussein Al-Qushayri Al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, disunting oleh Muhammad Fouad Abdel-Baqi, Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi, Beirut, Kitab Perceraian, Bab Talak Tiga- Talak Yang Tiada Nafkah, Hadis No 8015, 2, 1114.

15- Muhammad bin Ismail Abu Abdullah Al-Bukhari Al-Ja'afi, *Al-Jami' Al-Sahih Al-Mukhtasar*, disunting oleh Dr. Mustafa Deeb Al-Bughaa, edisi ke-3, Dar Ibn Katheer, Al-Yamamah, Beirut, 1407 Hijrah - 1987 M, Kitab Perkahwinan, Bab Perempuan-perempuan yang mengandung – Tempoh mereka itu ialah apabila mereka melahirkan, Hadis No 5012, 2, 2037.

16- Abu Omar Yusuf bin Abdullah bin Muhammad bin Abdul-Barr bin Asim Al-Nimri Al-Qurtubi (meninggal dunia 463 Hijrah), *Al-Tamhid li ma fi al-Muwatta min al-Maa'ni wa al-Asaanid*, disunting oleh Mustafa bin Ahmed Al-Alawi , Muhammad Abdul Kabir Al-Bakri, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam - Morocco, 1387 Hijrah, 20, 33.

17- Muhyiddin Yahya bin Sharaf an-Nawawi, Abu Zakaria (wafat 676H), *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, edisi ke-2, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi - Beirut, 1392 Hijrah, 10, 109.

18- Abdullah bin Ahmed bin Muhammad bin Qudamah al-Jumaaili al-Maqdisi, kemudian al-Dimashqi al-Hanbali Abu Muhammad Muwaffaq al-Din, dikenali sebagai Ibn Qudamah al-Maqdisi (wafat 620H), *al-Mughni li Ibn Qudamah*, Perpustakaan Kaherah, 1388 Hijrah - 1968 Masihi, 8, 96.

19- Muhammad bin Issa Abu Issa al-Tirmizi al-Salami, *Al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*, disunting oleh Ahmed Muhammad Shaker dan lain-lain, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut, Kitab Perkahwinan, Bab tentang seorang lelaki membeli seorang budak perempuan yang sedang hamil, Hadis No. 1131, 3, 437.

20- Abdul Karim Zaidan, *Al-Mufassal fi Ahkaamul Mar'ata wa al-Bait al-Muslim fi Syariah Islamiah*, Ibid, 9, 122-123.

21- Surah Al-Baqarah ayat 228

22- Surah At-Talak ayat 4

23- Surah Al-Baqarah ayat 234

24- Surah At-Talak ayat 4

25- Abu Zakaria Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf al-Nawawi (wafat 676 Hijrah), *Rawdat al-Talibin dan Umdat al-Muftin*, disunting oleh Zuhair al-Shawish, Pejabat Islam, Beirut-Damascus-Amman, edisi ketiga, 1412 Hijrah /1991 Masihi, 7, 117.

26- Muhammad bin Abdullah Al-Kharshi Al-Maliki Abu Abdullah (wafat 1101 Hijrah), *Sharh Mukhtasar Khalil oleh Al-Kharshi*, Percetakan Dar Al-Fikr - Beirut, 3, 212

27- Ahmed bin Abd al-Halim bin Abd al-Salam bin Abdullah bin Abi al-Qasim bin Muhammad Ibn Taymiyyah al-Harrani al-Hanbali ad-Dimashqi, Taqiyuddin Abu al-Abbas (wafat 728 Hijrah), *Al-Fatawa al-Kubra oleh Ibn Taymiyyah*, edisi pertama, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1408 Hijrah - 1987 Masihi, Kitab al-Buyu', Kaedah Ke-lima berkenaan Sumpah dan Ikrar, Bab yang mewajibkan nazar apabila berlaku Pertikaian dan Kemarahan, 4, 154.

28- Sulaiman bin al-Ash'as bin Ishak bin Bashir bin Syadad bin Amru al-Azdari al-Sajastani, dikenali sebagai Abu Daud (wafat 275 Hijrah), *Sunan Abu Daud*, disunting oleh Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid, Perpustakaan Ashriyah, Shaida, Beirut, Kitab Talak, Bab Mereka yang masuk Islam dan mempunyai lebih dari empat orang isteri atau dua orang saudara perempuan, Hadis No. 2241, 2, 272.

29- 'Alauddin Al-Kasani, *Bada'i' al-Sana'i' fi Tertib al-Shara'i'*, cetakan ke-2, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, 1982 Masihi, 2, 263.

30- Abdullah bin Ahmed bin Qudamah Al-Maqdisi Abu Muhammad, *Al-Mughni fi fiqh Imam Ahmed bin Hanbal As-Shaybani*, cetakan pertama, Dar Al-Fikr, Beirut, 1405 Hijrah, 7, 67

31- Muhammad Urfa Al-Dasouki, *Haasyiyati Al-Dasouki 'ala Al-Sharh Al-Kabir*, disunting oleh Muhammad Alyash, Dar Al-Fikr, Beirut, 2, 255.

32- An-Nawawi, *Rawdat at-Taalibin wa Umdatu al-Muftiin*, cetakan ke-2, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, 1405 Hijrah, 7, 121.

33- Surat An-Nisa ayat 23

34- Muhammad bin Ismail Abu Abdullah Al-Bukhari Al-Ja'fi, *Al-Jaami' As-Sahih Al-Mukhtasar*, disunting oleh Dr. Mustafa Deeb Al-Bugha, edisi ke-3, Dar Ibn Katheer, Al-Yamamah, Beirut, 1407 Hijrah - 1987 Masihi, Kitab Perkahwinan, Bab

Menghimpunkan dua saudara perempuan kecuali apa yang telah berlalu, Hadis No. 4820, 5, 1965.

35- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam - Kuwait, *Al-Mausua'ah al-Fiqqiyah al-Kuwaitiyah*, edisi pertama, Percetakan Dar Al-Safwa, Mesir, dari 1404 Hijrah - 1427 Hijrah, 29, 306.